

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai **jam 1200, Rabu, 10 Mei 2023**



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
BAGI PRESTASI INDEKS VOLUM PERKHIDMATAN, MALAYSIA
SUKU TAHUN PERTAMA 2023**

**Indeks Volum Perkhidmatan merekodkan kenaikan 8.8 peratus pada
suku tahun pertama 2023**

PUTRAJAYA, 10 Mei 2023 – Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini menerbitkan **Indeks Volum Perkhidmatan (2015=100), Suku Tahun Pertama, 2023**. Penerbitan ini meliputi empat segmen iaitu segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan; segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan; segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan; dan segmen Perkhidmatan Lain.

Pada suku tahun pertama 2023, Indeks Volum Perkhidmatan meningkat 8.8 peratus bagi perbandingan tahun ke tahun berbanding dengan peningkatan 11.7 peratus pada suku tahun pertama 2022 (Carta 1). “Prestasi ini dipacu oleh segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan yang merekodkan peningkatan 10.0 peratus, diikuti segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan (8.4%), segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan (6.6%) dan segmen Perkhidmatan Lain (12.8%),” kata Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia.

Mengulas lanjut terhadap laporan tersebut, beliau berkata, “Indeks volum bagi segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan tumbuh 10.0 peratus dengan 144.5 mata berbanding 131.3 mata pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Pendorong utama terdiri daripada Perdagangan Borong & Runcit (9.5%) diikuti dengan Penginapan (55.8%) dan Makanan & Minuman (4.2%). Pada masa yang sama, segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan naik 8.4 peratus kepada 155.6 mata, disumbangkan oleh Pengangkutan & Penyimpanan (16.7%) dan Maklumat & Komunikasi (3.8%). Segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan meningkat 6.6 peratus pada suku tahun pertama 2023 dan merekodkan 139.7 mata berbanding 131.0 mata pada suku tahun yang sama tahun lepas. Pemacu segmen ini terdiri daripada Profesional, Saintifik & Teknikal dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan (16.7%), diikuti dengan Kewangan & Insurans (2.1%) dan Hartanah (6.8%). Segmen Perkhidmatan Lain mencatatkan indeks volum 117.2 mata dengan kenaikan 12.8 peratus hasil peningkatan dalam Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti (16.3%), Kesihatan Swasta (10.7%) dan Pendidikan Swasta (11.5%).”

Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, Indeks Volum Perkhidmatan bagi suku tahun pertama 2023 meningkat 0.9 peratus berbanding suku tahun sebelumnya (Carta 2). Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah bahawa penyumbang utama ialah segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan yang mencatatkan pertumbuhan 1.8 peratus, diikuti dengan segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan (0.8%), segmen Perkhidmatan Lain (2.4%) dan segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan (0.2%).

Ketua Perangkawan Malaysia turut memaklumkan bahawa perbandingan suku tahun ke suku tahun bagi pelarasan musim, Indeks Volum Perkhidmatan mengalami penurunan sebanyak -5.9 peratus kepada 133.9 mata pada suku tahun ini. Ini disebabkan oleh penurunan dalam segmen Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan (-9.5%), segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan (-2.5%) dan segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan (-1.0%).


Sebaliknya, segmen Perkhidmatan Lain meningkat 4.0 peratus pada suku pertama tahun 2023.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Carta 1: Indeks Volum Perkhidmatan dan Peratus Perubahan Tahun ke Tahun, ST1 2019 – ST1 2023



**Carta 2: Indeks Volum Perkhidmatan dan Peratus Perubahan
Suku Tahun ke Suku Tahun, ST1 2019 – ST1 2023**



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

10 MEI 2023

Embargo: Only to be published or disseminated at **1200 hour, Wednesday, 10 May 2023**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR PERFORMANCE OF VOLUME INDEX OF SERVICES, MALAYSIA
FIRST QUARTER 2023

***Volume Index of Services recorded an increase of 8.8 per cent in
the first quarter of 2023***

PUTRAJAYA, 10 May 2023 - The Department of Statistics, Malaysia today released ***Volume Index of Services (2015=100), First Quarter 2023***. This publication consists of four segments namely Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segment; Business Services and Finance segment; Information & Communication and Transportation & Storage segment; and Other Services segment.

Volume Index of Services grew 8.8 per cent in the first quarter of 2023 on a year-on-year basis, as compared to 11.7 per cent increase in the first quarter of 2022 (Chart 1). "This performance was mainly driven by Wholesale & Retail Trade, Food & Beverages and Accommodation segments which increased by 10.0 percent, followed by Information & Communication and Transportation & Storage segment (8.4%), Business Services and Finance segment (6.6%), and Other Services segment (12.8%)," said the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin.

Elaborating further on the report, he said, “The volume index for Wholesale & Retail Trade, Accommodation and Food & Beverages segment grew 10.0 per cent with 144.5 points compared to 131.3 points in the same quarter of previous year. The leading contributors were Wholesale & Retail Trade (9.5%), followed by Accommodation (55.8%) and Food & Beverages (4.2%). Similarly, Information & Communication and Transportation & Storage segment rose 8.4 per cent with 155.6 points, contributed by Transportation & Storage (16.7%) and Information & Communication (3.8%). Business Services and Finance segment increased by 6.6 per cent in the first quarter of 2023 and registered 139.7 points compared to 131.0 points recorded in the same quarter of previous year. The contributors were Professional, Scientific & Technical and Administrative & Support Services (16.7%), followed by Finance & Insurance (2.1%), and Real Estate (6.8%). The segment of Other Services recorded a volume index of 117.2 points with a growth of 12.8 per cent, attributed by the increase in Arts, Entertainment & Recreation and Personal Services & Other Activities (16.3%), Private Health (10.7%) and Private Education (11.5%).”

For quarter-on-quarter comparison, Volume Index of Services for the first quarter of 2023 rose by 0.9 per cent when compared to the previous quarter (Chart 2). Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also added that the main contributors were Information & Communication and Transportation & Storage segment which recorded a growth of 1.8 per cent, followed by Business Services and Finance segment (0.8%), Other Services segment (2.4%), and Wholesale & Retail Trade, Accommodation and Food & Beverages segment (0.2%).

The Chief Statistician Malaysia also informed that on a quarter-on-quarter comparison for seasonally adjusted, Volume Index of Services experienced a decrease of -5.9 per cent to 133.9 points for this quarter. This was influenced by the decline in Business Services and Finance segment (-9.5%), Information & Communication and Transportation & Storage segment (-2.5%) and Wholesale & Retail Trade, Accommodation and Food & Beverages segment (-1.0%). On the other hand, Other Services segment increased by 4.0 per cent in the first quarter of 2023.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Chart 1: Volume Index of Services and Year-on-Year Percentage Change, Q1 2019 – Q1 2023





Chart 2: Volume Index of Services and Quarter-on-Quarter Percentage Change, Q1 2019 – Q1 2023



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

10 MAY 2023